

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN

**DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT] minta MENTERI
LUAR NEGERI menyatakan:**

- (a) apakah respons serta tindakan balas yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap tuntutan negara Filipina ke atas negeri Sabah; dan
- (b) apakah pendekatan yang akan diguna pakai oleh Kementerian bagi mengatasi kemelut ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri telah menjawab mengenai isu ini pada 27 Ogos di Kamar Khas, pada 7 September di Dewan Negara dan juga pada 12 November yang lepas di Dewan Rakyat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri telah memberikan penjelasan yang terperinci terhadap isu yang menyentuh kedaulatan negara ini. Selain itu, pada 29 Ogos 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan bahawa

Malaysia tidak akan tunduk terhadap mana-mana tuntutan terhadap negeri Sabah dan akan mempertahankan Sabah sehingga ke akhir.

3. Kerajaan Malaysia telah lama memuktamadkan pendirian kita mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah. Pendirian ini telah disuarakan dengan tegas pada setiap kesempatan. Malaysia telah menjelaskan bahawa kita tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah. Pada tahun 1962, rakyat Sabah telah melaksanakan hak menentukan sendiri (*self-determination*) status negeri mereka untuk berada di dalam Persekutuan Malaysia. Laporan Suruhanjaya Cobbold pada 1 Ogos 1962 kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyatakan bahawa lebih daripada dua pertiga rakyat Sabah memilih untuk menyertai Malaysia pada tahun 1963.

4. Oleh yang demikian, seperti yang termaktub dalam sejarah, Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian daripada Malaysia sejak 16 September 1963.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Setiap kali kenyataan berhubung isu tuntutan ke atas Sabah timbul, Kementerian Luar Negeri mengambil tindakan segera bagi menolak kenyataan-kenyataan tersebut. Sama ada, Kementerian mengemukakan nota bantahan, mengeluarkan kenyataan media, atau memanggil Duta Besar Filipina ke Kementerian. Tindakan-tindakan sedemikian adalah bertujuan menegaskan pendirian Malaysia terhadap status Negeri Sabah.

6. Kerajaan Malaysia amat prihatin dan memandang serius berkenaan isu ini dan tidak akan berganjak dari mempertahankan kedudukan Sabah dari mana-mana pihak yang cuba mencemar kedaulatan itu. Negeri Sabah adalah merupakan sebahagian daripada Malaysia.

Sekian, terima kasih.